

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI KKLW BERSAMA
MASYARAKAT ORANG ASLI POS BROOKE, GUA MUSANG,
KELANTAN**

**15 MEI 2017, ISNIN
WAKTU KETIBAAN: 10.00 PAGI**

Assalamualaikum WBT,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Pertama sekali, saya ingin melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita semua dapat bertemu di dalam Majlis Ramah Mesra YB Menteri KKLW bersama masyarakat Orang Asli Pos Brooke, Gua Musang pada hari yang indah ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah mengatur dan memberi peluang kepada saya untuk turut hadir bersama-sama dalam majlis ini. Begitu juga kepada semua warga Pos Brooke yang dapat bersama-sama hadir bagi memeriahkan majlis ini.
3. Saya difahamkan terdapat 18 buah kampung di Pos Brooke yang diketuai oleh 6 orang Penghulu. Daripada 18 buah kampung tersebut, terdapat seramai 523 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan jumlah keseluruhan seramai 2,320 orang penduduk daripada suku kaum Temiar.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

4. Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sangat mengambil berat mengenai kemajuan ekonomi dan infrastruktur penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, pelbagai bantuan dan peruntukan telah disalurkan kepada masyarakat luar bandar demi menjamin peningkatan taraf hidup agar seiring dengan masyarakat yang tinggal di kawasan bandar.
5. Untuk masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan/Terengganu, kementerian melalui JAKOA telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk Bajet Infra Ekonomi yang meliputi Projek Infrastruktur, Program Pembangunan Usahawan dan Program Peningkatan Pendapatan. Sejumlah RM4.3 juta disediakan untuk Bajet Mengurus dan RM2.5 juta untuk Bajet Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan untuk Tahun 2017 ini.
6. Pihak kementerian melalui JAKOA juga telah memperuntukkan Projek Bina Rumah Baru PBR/SPKR untuk Negeri Kelantan/Terengganu sebanyak 23 unit pada tahun ini.
7. Ini membuktikan bahawa pihak kementerian sentiasa memastikan agar seluruh masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan/Terengganu ini yang berjumlah 17,124 orang

dan juga seluruh masyarakat Orang Asli di negara ini menerima bantuan secara berterusan mengikut peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan pada setiap tahun.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

8. Kita semua tahu bahawa kementerian amat peka dan prihatin terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memainkan peranan utama dalam mempromosi dan mempertingkatkan kesihatan masyarakat Orang Asli dari segi fizikal, mental dan sosial. Selain itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga turut membantu dalam pelbagai sudut, antaranya menjalankan operasi membawa keluar pesakit Orang Asli yang berada di kawasan pedalaman menggunakan khidmat daripada unit udara mereka.

9. Kementerian melalui JAKOA juga menyediakan bantuan kesihatan yang terbahagi kepada bantuan perubatan yang meliputi peralatan dan ubat-ubatan mengikut saranan daripada pihak hospital. Selain itu, kita turut menyediakan bantuan asas kebersihan diri kepada masyarakat Orang Asli agar kebersihan dan kesihatan diri mereka terjaga.

10. Saya difahamkan di Negeri Kelantan ini terdapat 3 buah Pusat Transit yang disediakan oleh JAKOA kepada masyarakat Orang Asli yang berada di kawasan pedalaman untuk mereka menginap semasa menerima rawatan di hospital iaitu Pusat Transit Kuala Betis, Pusat Transit Gua Musang dan Pusat Transit Kuala Krai. Kesemua pusat transit yang memuatkan 6-10 keluarga tersebut turut menyediakan makanan yang berkhasiat kepada pesakit dan ahli keluarga yang mengiringi pesakit.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

11. Pada bulan November 2016 sehingga Februari 2017, kita dikejutkan dengan wabak Malaria yang telah melanda masyarakat Orang Asli yang tinggal di RPS Kemar, Perak. Seramai 131 Orang Asli di RPS Kemar telah dijangkiti oleh wabak ini.

12. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan JAKOA untuk memastikan agar wabak tersebut tidak merebak ke kawasan-kawasan lain. Antaranya adalah membuat pemeriksaan kesihatan untuk mengenalpasti jangkitan baharu, suntikan vaksin untuk mengelakkan jangkitan berulang, gotong-royong membersihkan kawasan sekitar serta memberi pendidikan kepada penduduk RPS Kemar mengenai bahaya wabak Malaria dan cara-cara untuk menghindarkannya.

13. JAKOA menyediakan pengangkutan kepada pesakit untuk dibawa ke ke hospital serta menyediakan bantuan barang keperluan asas kepada para pesakit dan pengiring yang ditempatkan di Asrama Sri Didik, Gerik, Perak. Sejumlah RM100,000 telah dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut demi memastikan pesakit dan keluarga pengiring serta masyarakat di kawasan yang terlibat mendapat rawatan dan perkhidmatan yang sepatutnya.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

14. Saya menyeru kepada semua masyarakat Orang Asli agar sentiasa menjaga kebersihan diri, tempat tinggal dan kawasan masing-masing untuk mengelakkan berlakunya wabak dan penyakit yang merbahaya dalam sesuatu kawasan.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada JAKOA dan seluruh masyarakat Orang Asli Pos Brooke kerana menerima kunjungan saya ke sini. Saya ingin berpesan agar masyarakat Orang Asli terus bersatu padu dan memberikan sokongan penuh kepada pihak Kerajaan supaya dasar dan perancangan yang telah diatitkan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Ramah Mesra YB Menteri KKLW Bersama Masyarakat Orang Asli Pos Brooke. Sekian, terima kasih.